

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

A vibrant watercolor splash background with various colors including green, yellow, orange, blue, and purple, creating a soft, artistic effect. The colors are blended and spread across the page, with a prominent green horizontal band in the center.


PRESTASI KEWANGAN

LAPORAN TAHUNAN 2011

JUMLAH ASET

Jumlah aset pada 31 Disember 2011 adalah RM720 juta. Komponen aset merangkumi Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen sebanyak RM353.6 juta (49%), Hartanah, Loji dan Peralatan dan Kerja Dalam Kemajuan sebanyak RM217.0 juta (30%), Dana dijangka Pendek RM79.9 juta (11%), Lain-lain aset RM54.4 juta (8%) dan juga Pembiayaan Pinjaman berjumlah RM15.2 juta (2%). Seperti di **Carta 1**.

CARTA 1 : KOMPONEN ASET PADA 31 DISEMBER 2011



RUMUSAN ASET

Keseluruhan aset diklasifikasikan mengikut Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Rizab. Komponen utama aset Lembaga adalah Simpanan Tetap, Hartanah, Loji dan Peralatan, Dana Jangka Pendek di bank dan lain-lain.


JUMLAH LIABILITI DAN KUMPULAN WANG

Jumlah liabiliti pada 31 Disember 2011 adalah sebanyak RM100 juta yang terdiri dari Pemiutang Operasi iaitu sebanyak RM98.0 juta Pemiutang Pelbagai sebanyak RM2.0 juta.

KUMPULAN WANG

Komponen dalam Kumpulan Wang yang membiayai keseluruhan aset bersih semasa berjumlah RM620.2 juta ialah Kumpulan Wang Mengurus dan Pembangunan yang berjumlah RM250.9 juta (41%). Kumpulan Wang Lain RM89.9 juta (14%). Rizab sebanyak RM16.8 juta (3%) dan Akaun Khas berjumlah RM262.6 juta (42%). Akaun Khas ini merupakan amaun yang diterima daripada Jabatan/Agensi menurut Akta 110, Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973, yang dipertanggungjawabkan kepada LPP untuk dibelanjakan. Seperti yang ditunjukkan di **Carta 2**.

CARTA 2 : KOMPONEN KUMPULAN WANG PADA 31 DISEMBER 2011



PERBANDINGAN ASET DAN LIABILITI

Perbandingan Aset dan Liabiliti bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di Jadual I. Nisbah Kecairan semasa menunjukkan LPP mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan pada nisbah 5 : 1 pada tahun 2011 berbanding 15 : 1 pada tahun 2010.

JADUAL I : LAPORAN PRESTASI KEWANGAN LPP (TAHUN 2010 & 2011)

Perkara	Tahun	
	2010(RM juta)	2011(RM juta)
i. Aset		
Hartanah, Loji dan Peralatan	223.2	217.0
Pinjaman Jangka Panjang	14.8	15.2
Aset Semasa	410.4	487.9
Jumlah	648.5	720.1
ii. Liabiliti		
Pemiutang semasa	24.7	97.9
Liabiliti Lain Semasa	2.3	2.0
Jumlah	27.0	99.9
Nisbah Kecairan	15	5

Penurunan nisbah kecairan dalam tahun semasa berbanding tahun 2010 adalah kerana terdapat peningkatan dalam pemiutang di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (bekalan baja/racun) yang mana kesemuanya telah diselesaikan pada awal tahun 2012.

ANALISA PENYATA PENDAPATAN

PENDAPATAN

Jumlah pendapatan bersih LPP bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 berjumlah RM224.6 juta adalah terdiri daripada :


- Geran Kerajaan

Pemberian Kerajaan untuk peruntukan Mengurus di terima adalah berjumlah RM146.0 juta (65%), manakala geran dilunaskan berjumlah RM57.0 juta (25%).

- Pendapatan lain

Selain geran di atas komponen pendapatan terdiri dari Faedah Atas Simpanan dan Pinjaman berjumlah RM8 juta (4%), Lain-lain pendapatan RM6.6 juta (3%), Pendapatan Institut Pengurusan Peladang (IPP) berjumlah RM5.0 juta (2%), Kutipan Yuran Audit Pendaftar berjumlah RM1.3 juta (0.6%) dan juga Sewaan Rumah Kakitangan/Bangunan berjumlah RM0.7 juta (0.4%). Seperti di **Carta 3**.

CARTA 3 : KOMPONEN PENDAPATAN PADA 31 DISEMBER 2011




ANALISA PERBELANJAAN

PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan LPP sebenar LPP bagi tahun 31 Disember 2011 berjumlah RM202.6 juta terdiri daripada Ganjaran Kakitangan RM118.1 juta (58%). Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan sebanyak RM33.7 juta (17%), Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM23.6 juta (12%), Perbelanjaan Lain RM19.7 juta (10%), Perbelanjaan 5 buah IPP berjumlah RM4.8 juta (2%) dan Peruntukan Hutang Ragu/Hapus Kira berjumlah RM2.7 juta (1%). Seperti di **Carta 4**.

CARTA 4 : KOMPONEN PERBELANJAAN PADA 31 DISEMBER 2011



RUMUSAN PERBELANJAAN

Tiga penyumbang utama perbelanjaan tahun semasa adalah daripada aktiviti Ganjaran Kakitangan RM118.1 juta (58%), Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan yang berjumlah RM33.7 juta (17%) serta Perbelanjaan Pembangunan RM23.6 juta (12%).

PERBANDINGAN PERBELANJAAN

Perbandingan perbelanjaan bagi tahun semasa dan tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 2**.

JADUAL 2 : PERBANDINGAN ITEM PERBELANJAAN (TAHUN 2011 & 2010)

Perkara	Tahun	
	2010(RM juta)	2011(RM juta)
Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	25.9	33.7
Peruntukan dan Hapus Kira	6.5	2.7
Ganjaran Kakitangan	114.5	118.1
Perbelanjaan Lain	21.7	19.7
Perbelanjaan Pembangunan	63.4	23.6
Perbelanjaan Institut Pengurusan Pelad- dang	3.8	4.8
Jumlah	235.8	202.6

Secara keseluruhannya prestasi perbelanjaan tahun semasa adalah menurun berbanding tahun terdahulu (2010). Ia berikutan dari sebahagian besar perbelanjaan pembangunan telah selesai disempurnakan dalam tahun 2010. Lain-lain perbelanjaan secara puratanya tidak berbeza secara material.

PERBANDINGAN PRESTASI KEWANGAN INSTITUT PENGURUSAN PELADANG

Lebih bersih untuk tahun semasa adalah sebanyak RM0.3 juta menurun berbanding tahun 2010 iaitu berjumlah RM0.8 juta kerana terdapat peningkatan dalam perbelanjaan penyelenggaraan dan pembaikan asrama dalam tahun semasa berbanding tahun 2010. Prestasi Pendapatan dan Perbelanjaan Institut-Institut Pengurusan Peladang (IPP) bagi tahun semasa dan tahun lepas adalah seperti di **Jadual 3**.

JADUAL 3 : PERBANDINGAN PRESTASI KEWANGAN INSTITUT PENGURUSAN PELADANG (TAHUN 2010 & 2011)

Pendapatan	Tahun 2010		Tahun 2011	
	Amaun (RM)juta	%	Amaun (RM)juta	%
Pakej Latihan	2.3	49	2.2	44
Sewa Asrama	1.5	32	1.4	28
Perkhidmatan Makan	0.5	11	1.0	20
Pendapatan Pelbagai	0.4	8	0.4	8
Jumlah	4.7	100	5.0	100

Pendapatan	Tahun 2010		Tahun 2011	
	Amaun (RM)juta	%	Amaun (RM)juta	%
Pakej Latihan	1.0	26	1.5	32
Gaji dan Upahan	0.2	5	0.1	2
Perkhidmatan Makan	2.1	54	1.8	38
Penyelenggaraan asrama	0.6	15	1.3	28
Jumlah	3.9	100	4.7	100
Lebihan	0.8		0.3	